

25 NOV 2003

Abdullah-Terkawal

SEMUANYA TERKAWAL SEKARANG INI, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 25 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata sejak mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada 31 Okt lepas beliau telah membuat keputusan-keputusan pentadbiran yang diterima secara keseluruhannya oleh rakyat Malaysia.

"Sehingga ini saya mampu menguruskannya...apa sahaja isu yang telah dikemukakan, saya dapat membuat keputusan dan sehingga ini semua keputusan itu nampaknya baik...itulah yang dikatakan oleh orang," katanya.

Perdana Menteri berkata bagaimanapun terdapat banyak lagi perkara yang akan timbul dengan peredaran masa yang perlu beliau putuskan.

Abdullah berkata demikian semasa persidangan berita di rumah terbuka Perdana Menteri sempena Hari Raya di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, hari ini.

Abdullah sejak mengambil alih daripada Tun Dr Mahathir Mohamad telah meminta perkhidmatan jabatan-jabatan kerajaan diperkemaskan untuk memastikan perkhidmatan kepada rakyat dapat disampaikan dengan cepat dan cekap.

Beliau juga mengarahkan tunggakan bayaran berjumlah RM3.8 bilion di bayar segera kepada para kontraktor yang telah menyiapkan tender kerajaan.

"Saya mahu kerajaan menjadi pembayar yang baik dan kita perlu membayar mereka apabila berhutang, kerajaan tidak boleh berhutang dengan orang ramai. Kontraktor besar atau kecil, kita perlu bayar. Ini (bayaran itu) itu telah dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata, bayaran besar itu juga akan membantu merangsangkan ekonomi negara.

Ditanya bila beliau akan menamakan Timbalan Perdana Menteri, Abdullah berkata: "apabila masanya sesuai."

-- BERNAMA

SR RV PR